



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

39 KRT TELAH DIPILIH SEBAGAI KRT PROGRESIF NEGERI SARAWAK TAHUN 2025

KUCHING, 26 April – Sebanyak 39 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) telah dipilih untuk dijadikan sebagai KRT Progresif Sarawak pada tahun ini. Perkara ini diumumkan oleh YB Dato' Sri Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di Program Sambutan Hari Raya Aidilfitri Negeri Sarawak Tahun 2025 anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Sarawak di Penview Convention Centre, Demak, Kuching, Sarawak.

Kerajaan MADANI sentiasa mengiktiraf dan menghargai jasa serta pengorbanan sukarelawan Rukun Tetangga yang bertindak sebagai barisan hadapan masyarakat untuk membantu kerajaan memastikan keselamatan, keharmonian dan kesejahteraan komuniti selaras dengan selaras dengan prinsip dan Kesejahteraan dan Ihsan yang menjadi tunjang Malaysia MADANI.

Sebagai rekod, kini terdapat sebanyak **8,554 KRT di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut, 1,092 KRT terdapat di Sarawak**. YB Dato' Sri Aaron dalam ucapannya berkata, *"kepentingan KRT bukan hanya terletak pada program-program yang dilaksanakan, tetapi juga semangat yang dihidupkan iaitu semangat kekitaan, semangat saling percaya dan semangat bersatu dalam kepelbagaian"*. Beliau turut menyeru agar semua penduduk setempat khususnya generasi muda untuk turut serta mendukung dan menjayakan usaha-usaha KRT.

Sementara itu, beliau turut mengumumkan peruntukan sejumlah RM302,775 kepada lima (5) buah tabika perpaduan di Sarawak bagi menjalankan kerja-kerja penambahbaikan yang dapat memberi manfaat kepada para pelajar. Tabika-tabika tersebut ialah Tabika Perpaduan RPR

Permyjaya Miri, Tabika Perpaduan Ong Tiang Swee, Kuching, Tabika Perpaduan Sungai Plan, Bintulu, Tabika Perpaduan Siol Kandis, Kuching dan Tabika Perpaduan Kampung Pahlawan, Limbang.

Majlis pada hari ini turut dihadiri oleh jentera perpaduan peringkat komuniti iaitu KRT, anggota Skim Rondaan Sukarela, Mediator Komuniti, warga Taska dan Tabika Perpaduan, Skuad Uniti dan Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO).,

Kementerian Perpaduan Negara

23 April 2025

KPN.100-9/1/16 (29)